

UTHM tuan rumah ATEF 2017

Buat julung kali, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) diberikan penghormatan menjadi tuan rumah Forum Perkhidmatan Asia Pendidikan, Latihan Teknikal dan Vokasional (ATEF 2017) bermula hari ini hingga esok.

Pengarah Pejabat Antarabangsa merangkap Pengerusi Bersama Jawatankuasa ATEF 2017, Prof Dr Noraini Kaprawi berkata, objektif penganjuran forum itu

bagi menubuhkan Persatuan Pakar Pengajar dan Pakar Industri (TVET) Asia merangkumi pakar dari pelbagai negara.

Beliau berkata, penubuhan persatuan berkenaan diharap meningkatkan budaya intelektual dan inovatif, sekali gus mendorong pembangunan serta penyelidikan untuk memperkukuhkan TVET sebagai agenda utama pendidikan di rantau Asia.